

PENDIDIKAN TEKNIK DAN VOKASIONAL DI  
KALANGAN MASYARAKAT ORANG ASLI

ARMAN BIN HJ AHMAD SAPAWI

UNIVERSITI TUR HOSSEIN ONN MALAYSIA

PERPUSTAKAAN UTHM



\*30000002103359\*

00000000000000000000000000000000

**PTTA UTHM**  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS\*

JUDUL: PENDIDIKAN TEKNIK DAN VOKASIONAL DI KALANGAN MASYARAKAT ORANG ASLI

SESI PENGAJIAN: 2006/2007

Saya ARMAN BIN HJ AHMAD SAPAWI  
(791215-08-5309)  
(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis (Sarjana Muda/Sarjana /Dektor Falsafah)\* ini disimpan di Perpustakaan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
2. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. \*\*Sila tandakan ( ✓ )

SULIT

TERHAD

TIDAK TERHAD

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

Disahkan oleh :

  
(TANDATANGAN PENULIS)

Alamat Tetap:

KAMPUNG TANJUNG BIDARA  
36800 KAMPUNG GAJAH  
PERAK DARUL RIDZUAN

  
(TANDATANGAN PENYELIA)

PN MARINA BT IBRAHIM  
MUKHTAR  
(Nama Penyelia)

Tarikh:

Tarikh: 25/8/2007


- CATATAN:
- \* Potong yang tidak berkenaan.
  - \*\* Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai atau TERHAD.
  - ◆ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan penvelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM).

“Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional”.



**PTTAUTHM**  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Tandatangan : .....  
Nama Penyelia : PN MARINA BT IBRAHIM MUKHTAR  
Tarikh : ..... 28/4/2007 .....



**PENDIDIKAN TEKNIK DAN VOKASIONAL DI KALANGAN  
MASYARAKAT ORANG ASLI**

**ARMAN BIN HJ AHMAD SAPAWI**

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat  
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

**PTTAUTHM**  
**PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH**



Fakulti Pendidikan Teknikal  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

APRIL 2007

“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”.



**PTT AUTHM**  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Tandatangan : .....

Nama Penulis : ARMAN BIN HJ AHMAD SAPAWI

Tarikh : 27/4/17

*Allhamdulillah..*

*Segala puji bagi Tuhan Yang Maha Esa...*

*Kerana masih memanjangkan umur ini dan memberi nikmat kehidupan serta menimba ilmuMu yang tiada terbatas.*

*Ayahanda dan Bonda di kampung yang sentiasa mendoakan kesejahteraan anakanda..*

*Kepada adinda bersaudara yang banyak memberi bantuan dan dorongan..*

*Kepada arwah adindaku Anuar semoga rohmu sentiasa dicucuri olehNya.*

*Semoga hasil penulisan ini dapat membantu masyarakat Orang Asli Di Malaysia*

## PENGHARGAAN

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Alhamdulillah. Bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnianya, dapat juga saya menyempurnakan hasil kerja saya ini mengikut perancangan. Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar, Nabi Muhammad S.A.W serta keluarga dan sahabat baginda.

Ucapan terima kasih tidak terhingga dikalungkan khas buat Puan Marina Bt Ibrahim Mukhtar, penyelia Projek Sarjana kerana telah membimbing saya bagi menjayakan projek ini. Tunjuk ajar dan nasihat beliau amat berguna bagi saya. Sekalung penghargaan juga buat FPTek, UTHM, di atas segala kerjasama yang diberikan sama ada secara langsung atau tidak.

Jutaan terima kasih juga tidak dilupakan kepada masyarakat Orang Asli di seluruh Daerah Perak Tengah, Perak Darul Ridzuan yang telah memberi kerjasama yang amat memberangsangkan untuk menjayakan kajian ini.

Penghargaan ditujukan khas kepada keluarga tersayang serta rakan-rakan seperjuangan yang telah banyak membantu saya secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan penyelidikan ini. Semoga segala jasa kalian dibalas oleh Allah S.W.T.

Sekian, terima kasih.

## ABSTRAK

Masyarakat Orang Asli adalah golongan unik yang mempunyai pelbagai fahaman dan cara hidup yang berbeza-beza berbanding masyarakat lain di Malaysia. Penguasaan di dalam bidang Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) akan dapat membantu mereka untuk terus bersaing dalam era globalisasi yang penuh cabaran ini. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti perbezaan dari keterbukaan keluarga, kekangan yang dihadapi dan kemudahan yang diberikan oleh pihak kerajaan bagi membantu masyarakat kaum Orang Asli dalam bidang PTV. Kajian yang dijalankan oleh penyelidik adalah berbentuk kuantitatif manakala instrumen borang soal selidik telah digunakan untuk mendapatkan data-data yang diperlukan manakala kaedah temubual digunakan untuk menyokong hasil dapatan kajian. Sampel yang dipilih adalah terdiri daripada tiga buah kampung Orang Asli iaitu Kampung Suak Padi, Kampung Tumbuh Hangat dan Kampung Gedung Batu yang terletak dalam daerah Perak Tengah di Negeri Perak Darul Ridzuan. Hasil daripada kajian ini menunjukkan masyarakat Orang Asli berminat untuk menceburi dan mempelajari bidang Pendidikan Teknik dan Vokasional dengan lebih mendalam. Selain itu, mereka cukup menggalakkan ahli keluarga mereka untuk menceburi bidang PTV. Namun begitu, terdapat beberapa kekangan yang boleh diperbaiki bagi membantu masyarakat Orang Asli terus berjaya dalam bidang ini. Oleh yang demikian, pihak kerajaan perlu mengambil inisiatif dari segenap aspek bagi membantu mereka untuk menceburi bidang ini dengan lebih mendalam demi kepentingan masyarakat Orang Asli dan negara.

## ABSTRACT

The Orang Asli's are the indigenous minority peoples of Peninsular Malaysia. They have their own language and culture, and perceive themselves are different from the others. Orang Asli's authority in the technique and vocational education would help their community to compete continuously in the globalization era. These research aimed to determine distinction about family willingness between three villages, face of constraints and amenity that government gave to them to help their community in technique and vocational education field. This research is in a quantitative method. The questionnaire instrument had been used to collect important data and the interview method also been used to support this research. The chosen samples are from the Orang Asli's villages such as Kampung Suak Padi, Kampung Tumbuh Hangat dan Kampung Gedung Batu which had situated in Negeri Perak Darul Ridzuan. The researchers found that community of Orang Asli had interested in the technique and vocational education field. Some of them also encourage their family to involve in this field. Nevertheless, there are some constraints that should be improving to make Orang Asli success in this field. The government also should to take initiatives from the whole aspects to help Orang Asli community.

## KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	HALAMAN JUDUL	iii
	HALAMAN PENGAKUAN	iv
	HALAMAN DEDIKASI	v
	PENGHARGAAN	vi
	ABSTRAK	vii
	ABSTRACT	viii
	KANDUNGAN	x
	SENARAI JADUAL	xiv
	SENARAI RAJAH	xvi
	SENARAI SINGKATAN	xvii
	SENARAI LAMPIRAN	xviii



**I****PENDAHULUAN**

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Masalah	4
1.3	Pernyataan Masalah	6
1.4	Tujuan Kajian	7
1.5	Objektif Kajian	8
1.6	Persoalan Kajian	8
1.7	Hipotesis Kajian	9
1.8	Skop Kajian	10
1.9	Batasan Kajian	10
1.10	Kepentingan Kajian	11
1.11	Kerangka Konsep	12
1.12	Definisi Istilah dan Operasi	14
1.13	Rumusan	16

**II****KAJIAN LITERATUR**

2.1	Pengenalan	17
2.2	Latar Belakang Masyarakat Orang Asli	18
2.2.1	Penempatan Kinsui	20
2.2.2	Penempatan Kintak	21
2.2.3	Penempatan Lanoh	22
2.2.4	Penempatan Jahai	22
2.2.5	Penempatan Mendriq	23
2.2.6	Penempatan Bateq	23
2.3	Perkembangan Awal Pendidikan Di Malaysia	24
2.4	Pendidikan Teknik dan Vokasional	24

2.4.1	Kepentingan Pendidikan Teknik dan Vokasional	26
2.5	Pendidikan Orang Asli	27
2.6	Jabatan Hal Ehwal Orang Asli	30
2.7	Sumber Pendapatan Masyarakat Kaum Orang Asli	32
2.8	Masyarakat Orang Asli di Luar Negara	34
2.8.1	Orang Asli Australia	34
	2.8.1.1 Pengajian Vokasional dan Latihan	36
	2.8.1.2 Pelajaran Tinggi	37
2.9	Rumusan	38

**III****METODOLOGI**

3.1	Pengenalan	39
3.2	Rekabentuk Kajian	40
	3.2.1 Tatacara Dalam Teknik Tinjauan	41
	3.2.2 Kerangka Kajian	42
3.3	Persampelan Rawak	43
	3.3.1 Populasi Kajian	43
	3.3.2 Sampel Kajian	44
3.4	Instrumen Kajian	47
	3.4.1 Soal Selidik	47
	3.4.2 Temubual	51
3.5	Pengumpulan Data	52
3.6	Kajian Rintis	52
	3.6.1 Kesahan dan Kebolehpercayaan	55
3.7	Kaedah Analisis Data	56
3.8	Rumusan	58

**IV****ANALISIS DATA**

4.1	Pengenalan	59
4.2	Analisis Bahagian A : Latar Belakang Responden	60
4.2.1	Taburan Responden Berdasarkan Jantina	61
4.2.2	Taburan Responden Berdasarkan Status Perkahwinan	61
4.2.3	Taburan Responden Berdasarkan Umur	62
4.2.4	Taburan Responden Memilih untuk Menceburি Bidang PTV	63
4.2.5	Taburan Responden Berdasarkan Pendapatan Bulanan	64
4.2.6	Taburan Responden Berdasarkan Bilangan Tanggungan	65
4.3	Analisis Bahagian B : Keterbukaan Keluarga	66
4.4	Analisis Bahagian C : Kemudahan Dalam PTV	67
4.5	Analisis Bahagian D : Aktiviti Dalam PTV	69
4.6	Analisis Bahagian E : Kekangan Dalam PTV	70
4.7	Analisis Ujian Anova Sehala	72
4.8	Rumusan Dapatan Kajian	74

**V****PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN**

5.1	Pengenalan	77
5.2	Perbincangan	78
5.2.1	Latar Belakang Responden	78
5.2.2	Keterbukaan Keluarga	81

5.2.3 Kemudahan dalam Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV)	83
5.2.4 Aktiviti dalam Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV)	86
5.2.5 Kekangan dalam Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV)	89
5.3 Rumusan	93
5.4 Cadangan	94
5.4.1 Masyarakat Orang Asli	95
5.4.2 Institusi atau Pusat Pendidikan Teknik dan Vokasional	95
5.4.2 Cadangan Kajian Lanjutan	96

**BIBLIOGRAFI****LAMPIRAN**

**PTTA UTHM**  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	<i>Vocational education and training enrolments, Indigenous and all students 1997-2003</i>	36
3.1	Tatacara dalam Teknik Tinjauan	40
3.2	Penentuan Saiz Sampel	46
3.3	Skala Ordinal	49
3.4	Interpretasi Jadual <i>Alpha Cronbach</i>	53
3.5	<i>Alpha Cronbach (α)</i> bagi Setiap Bahagian Soal Selidik	55
3.6	Penentuan Kaedah Analisis	57
4.1	Perincian Borang Soal Selidik yang Dikembalikan oleh Responden kepada Penyelidik	60
4.2	Bilangan dan Peratusan Responden mengikut Jantina	61
4.3	Bilangan dan Peratusan Responden mengikut Status Perkahwinan	62
4.4	Bilangan dan Peratusan Responden mengikut Peringkat Umur	63
4.5	Bilangan dan Peratusan Responden memilih untuk Menceburi Bidang PTV	64

4.6	Bilangan dan Peratusan Responden mengikut Pendapatan Bulanan	65
4.7	Bilangan dan Peratusan Responden mengikut Bilangan Tanggungan	66
4.8	Skor Min Setiap Item untuk Keterbukaan Keluarga	67
4.9	Skor Min Setiap Item untuk Kemudahan dalam PTV	68
4.10	Skor Min Setiap Item untuk Aktiviti dalam PTV	69
4.11	Skor Min Setiap Item untuk Kekangan dalam PTV	71
4.12	Skor Min Keterbukaan Keluarga antara Tiga Kampung	72
4.13	Analisis Anova Sehala	73
4.14	Tahap Signifikan Keterbukaan Keluarga antara Tiga Kampung	73
4.15	Tafsiran bagi Min dan Sisihan Piawai Terhadap Maklum Balas Responden Secara Keseluruhan	74



**PTTAUH**  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

**SENARAI RAJAH**

<b>NO. RAJAH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1.1	Kerangka Konsep	14
2.1	Perbezaan Penyertaan Kaum Wanita	37
	Berbanding Lelaki	
3.1	Kerangka Kajian	42



**PTTA UTHM**  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## SENARAI SINGKATAN

<b>JHEOA</b>	Jabatan Hal Ehwal Orang Asli
<b>JKKK</b>	Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung
<b>KPM</b>	Kementerian Pendidikan Malaysia
<b>MARA</b>	Majlis Amanah Rakyat
<b>PKK</b>	Pendidikan Kesejahteraan Keluarga
<b>PLF</b>	Pendidikan Literasi Fungsian
<b>PTV</b>	Pendidikan Teknik dan Vokasional
<b>RMK7</b>	Rancangan Malaysia Ke-7
<b>SPNB</b>	Syarikat Perumahan Negara Berhad
<b>SPSS</b>	<i>Statistical Package For Social Science</i>

## SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	PERKARA	MUKA SURAT
A	Kebenaran Menjalankan Kajian daripada Kementerian Pengajian Tinggi	105
B	Kebenaran Menjalankan Kajian daripada Fakulti Pendidikan Teknikal	107
C	Kebenaran Menjalankan Kajian daripada JHEOA, Kuala Lumpur	108
D	Borang Memohon Kebenaran Menjalankan Kajian daripada JHEOA Kuala Lumpur	112
E	Borang Temu Bual	117
F	Borang Soal Selidik	122
G	Borang Pengesahan Soal Selidik	127
H	Analisis Kajian Rintis	131
I	Analisis Kajian Sebenar	137
J	Analisis Anova	142
K	Data daripada JHEOA Daerah Perak Tengah	144
L	Perancangan Projek Sarjana	146

## BAB I

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Masyarakat kaum Orang Asli merupakan komuniti kecil di Malaysia dan adalah penduduk pribumi negara ini. Orang Asli merupakan masyarakat yang mempunyai beberapa suku kaum yang berbeza-beza. Secara rasminya masyarakat Orang Asli dibahagikan kepada tiga kumpulan yang terbesar iaitu Negrito, Senoi dan Melayu Asli. Suku Senoi dan Negrito pula diklasifikasikan kepada enam suku kecil. Suku Melayu Asli dipecahkan kepada tujuh suku kecil (Wijnen, 2001).

Oleh kerana terdapat pelbagai suku kaum di kalangan masyarakat kaum Orang Asli, maka terdapat banyak perbezaan dari segi cara hidup dan pertuturan bahasa yang digunakan. Kebudayaan dan adat resam mereka juga berbeza-beza dan mempunyai keunikan yang tersendiri. Adat resam berikut akan memperlihatkan adat resam yang diamalkan di kalangan masyarakat kaum Orang Asli secara keseluruhan (Benjons, 2006).

Pada masa kini, kehidupan manusia lebih bertumpu di bandar-bandar besar mahupun kawasan penempatan yang banyak memberikan kelesaan kepada pengguna. Namun yang demikian, fenomena tersebut masih sukar diatasi oleh segelintir penduduk di Malaysia. Menurut Wijnen (2001), salah satu contoh yang paling ketara ialah penduduk Orang Asli yang lebih gemar mendiami kawasan atau penempatan di pinggir dan di dalam hutan belantara. Ia amat berbeza dengan beberapa kaum yang turut mendiami Malaysia seperti tiga kaum utama yang terdiri dari kaum Cina, India dan Melayu. Pemikiran dan penerimaan ketiga-tiga kaum tersebut untuk menerima arus pemodenan amat pesat berkembang jika dibandingkan dengan masyarakat Orang Asli yang lebih gemar mengamalkan amalan mahupun ajaran tradisi nenek moyang mereka.

Menurut Hadenan (2002), masyarakat Orang Asli akan lebih berjaya jika golongan itu tidak diasingkan, jika diberikan peluang bercampur dan bergaul dengan masyarakat lain, ia akan memudahkan proses kesedaran dan perubahan minda melalui pergaulan dalam kehidupan seharian. Oleh yang demikian, masyarakat Orang Asli haruslah bersedia untuk keluar dari budaya kehidupan lampau dan menerima corak kehidupan yang lebih moden.

Dari segi pendidikan, rata-rata anak-anak masyarakat Orang Asli tidak menerima pendidikan yang bersepada samada dari peringkat sekolah rendah, menengah mahupun di peringkat menara gading. Begitu juga dengan pendidikan di bidang teknik dan vokasional. Pelbagai faktor telah menyebabkan gejala ini masih lagi berlaku walaupun banyak langkah-langkah yang dilakukan oleh pihak tertentu untuk membantu bagi memastikan anak-anak serta masyarakat Orang Asli menerima pendidikan untuk menjamin masa hadapan mereka kelak. Namun yang demikian, mutakhir ini, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sedang giat menjalankan kerja-kerja menaiktarafkan kemudahan-kemudahan baru seperti menyediakan perkhidmatan Astro bagi pakej pendidikan, membina bangunan-bangunan baru dan menambah bilangan komputer yang sedia ada (Abdul Talib, 2003).

Pihak kerajaan sentiasa berusaha untuk memajukan masyarakat Orang Asli agar tidak ketinggalan di dalam bidang pendidikan. Menurut Najib (2006), negara ingin menjadikan masyarakat Orang Asli mampu berdaya saing dengan masyarakat lain di Malaysia. Beberapa projek pembangunan telah dirancang seperti meningkatkan taraf pendidikan untuk anak-anak Orang Asli sejajar dengan kehendak negara yang ingin melahirkan rakyat yang berilmu pengetahuan. Selain daripada itu, menurut Abdul Talib (2003), proses menaiktaraf kemudahan-kemudahan yang disediakan perlu bagi memastikan sekolah-sekolah anak-anak masyarakat Orang Asli juga mengecap kemudahan yang sama seperti sekolah-sekolah di bandar. Ini kerana masyarakat Orang Asli juga adalah merupakan aset yang cukup bernilai kepada negara.

Terdapat juga program-program pendidikan atau latihan yang berbentuk Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) telah disediakan serta diberikan kepada masyarakat Orang Asli. Ia dijalankan untuk membantu meningkatkan pendapatan harian mereka (Abdul Talib, 2003). Program-program tersebut adalah merupakan usahasama Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) dengan beberapa badan atau agensi kerajaan yang lain. Di antara program yang telah dijalankan ialah kursus kemahiran automatif, jahitan, pertanian dan dandan rambut. Program tersebut telah dijalankan dengan kerjasama JHEOA dan pihak Majlis Amanah Rakyat (MARA). Program tersebut telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat Orang Asli.

Hasil daripada program tersebut menunjukkan masyarakat Orang Asli berminat untuk menceburi bidang PTV dengan lebih mendalam. Menurut Abdul Talib (2003), kerjaya yang memberikan pendapatan yang melebihi keperluan akan memberi ruang kepada masyarakat kaum Orang Asli untuk menjadi lebih berdaya maju. Justeru itu, tidak dapat dinafikan bahawa pendidikan pendidikan adalah salah satu daripada cara untuk memajukan diri, keluarga serta masyarakat. Kaum Orang Asli perlu berusaha untuk membangunkan diri, keluarga serta masyarakat mereka agar mampu berdikari dalam arus pemodenan negara yang cukup pesat membangun ini.

## 1.2 Latar Belakang Masalah

Kepentingan pendidikan di dalam kehidupan seharian amat penting kerana ia adalah merupakan tunjang kepada segala aktiviti manusia untuk berjaya. Ia diakui seperti kenyataan yang terkandung di dalam falsafah pendidikan negara yang menyatakan pendidikan di Malaysia adalah satu usaha untuk memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepada untuk melahirkan individu yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan fizikal berdasarkan kepercayaan kepada tuhan (Abdul Fatah, 2003). Namun yang demikian, pandangan masyarakat Orang Asli terhadap pendidikan adalah berbeza daripada pemikiran masyarakat lain. Ia dapat diperhatikan di dalam konteks kehidupan seharian di mana rata-rata kaum lain di Malaysia cukup menitikberatkan pendidikan di kalangan anak-anak mahupun mana-mana individu di dalam sesebuah keluarga tersebut. Ia bukan sahaja dapat membantu diri individu tersebut malah ia turut akan membantu sesebuah keluarga tersebut dari pelbagai aspek kehidupan seperti kewangan, keselamatan, keselesaan, pemakanan dan sebagainya.

Dalam keadaan ini, ibu bapa memainkan peranan yang penting sekurang-kurangnya membuat pemantauan atau menyemak perkembangan, kemajuan, masalah dan keperluan anak-anak dalam proses pembelajaran. Merujuk kepada masyarakat Orang Asli, mereka kurang menitikberatkan pendidikan kepada anak-anak mereka. Tindakan mereka yang menyerahkan perkara tersebut kepada pihak sekolah semata-mata adalah merupakan satu langkah yang tidak wajar. Justeru itu, menurut Ismail (2002), walaupun ibu bapa tidak mempunyai cukup masa untuk memberi perhatian kepada anak-anak, tidak semestinya mereka membiarkan anak-anak mengharungi arus kehidupan secara sendirian.

Selain daripada itu, kita semua memang telah sedia maklum, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) adalah merupakan satu organiasasi yang bertanggungjawab di

dalam memantau, menjaga dan memelihara segala keperluan, sumbangan dan kebajikan berkaitan dengan masyarakat Orang Asli yang kini berjumlah seramai 92,523 orang (Abdul Talib, 2003). Mereka telah menjalankan tanggungjawab dengan sempurna dan baik. Pihak kerajaan telah mengeluarkan dana dan telah dimanfaat oleh jabatan tersebut untuk kepentingan dan keperluan masyarakat Orang Asli di Malaysia.

Menurut Ahmad Sarji (2006), jabatan terbabit juga telah memajukan masyarakat Orang Asli bukan sahaja dari segi fizikal, malah ia meliputi perubahan minda dan sikap Orang Asli itu sendiri. Penekanan dalam aspek-aspek ini dirasakan amat sesuai dan tepat. Program-program seperti kursus, latihan, lawatan sambil belajar, pendidikan dan galakan mereka dalam badan-badan, persatuan, JKKK dan sebagainya perlulah dipergiatkan. Pengalaman dan contoh menunjukkan bahawa masyarakat serta negara-negara yang maju banyak mengambil daya usaha dalam membangunkan insan atau masyarakat melalui aktiviti pembentukan sikap positif di kalangan masyarakat mereka.

PTV adalah merupakan satu cabang yang cukup penting di dalam kurikulum pendidikan negara. Ia dapat membantu negara untuk mengeluarkan tenaga-tenaga pekerja mahir dan separa mahir khususnya untuk berkhidmat di dalam bidang yang melibatkan kemahiran-kemahiran teknikal. Pada masa kini, Malaysia berada pada tahap ekonomi semiindustri dan berhasrat mencapai status negara perindustrian penuh menjelang tahun 2020 (Lukman, 2002). Jadi, dengan adanya penyertaan daripada masyarakat Orang Asli, maka sedikit sebanyak ia akan membantu negara untuk mengurangkan kos penggajian, operasi serta membantu bagi melaksanakan pelbagai agenda yang dapat memajukan masyarakat, bangsa dan negara.

Pelbagai pihak terutamanya dari jabatan-jabatan kerajaan banyak membantu masyarakat Orang Asli agar mampu keluar dari kepompong budaya yang banyak merugikan mereka sendiri. Mereka sememangnya tidak menyedari bahawa pada masa

kini ilmu pengetahuan adalah merupakan pemain utama bagi mencapai kesejahteraan dan kejayaan di dalam hidup. Menurut Ahmad Sarji (2006), program-program seperti kursus, latihan, lawatan sambil belajar, pendidikan dan galakan mereka dalam badan-badan, persatuan, JKKK dan sebagainya perlulah dipergiatkan. Pengalaman dan contoh menunjukkan bahawa masyarakat serta negara-negara yang maju banyak mengambil daya usaha dalam membangunkan insan atau masyarakat melalui aktiviti pembentukan sikap positif di kalangan masyarakat mereka. Justeru, masyarakat Orang Asli perlu dibantu dari segi kemudahan, sumbangan, tenaga pengajar yang berkebolehan dan sebagainya bagi membolehkan mereka menceburi bidang pendidikan khususnya dalam PTV (Ahmad Sarji, 2006).

Selain daripada itu, bidang-bidang yang terdapat di dalam kejuruteraan adalah merupakan tunjang utama kepada ekonomi negara kerana ia dapat membantu negara agar mampu bersaing dengan kuasa-kuasa besar ekonomi dunia terutamanya di dalam bidang yang memerlukan kepakaran tertentu untuk melaksanakan sesuatu kerja atau tugas. Menurut Mohamad Rosle (2006), usaha pelbagai pihak dalam menyediakan dan memberikan pendidikan, kemudahan asas dan program kemasyarakatan perlu disokong berdasarkan kepentingan ilmu pengetahuan yang dapat menjamin masa hadapan setiap individu agar menjadi lebih cemerlang.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Menjangkau ke alaf baru, bidang pendidikan adalah merupakan satu agenda penting dalam kehidupan setiap individu (Ismail, 2002). Keperluan terhadap PTV di kalangan masyarakat Orang Asli penting bagi memastikan mereka dapat bersaing dalam era globalisasi bagi menikmati kehidupan yang selesa serta taraf hidup yang lebih baik.

Ditambah pula pada masa kini, Malaysia memerlukan tenaga pekerja separa mahir dan mahir bagi membolehkan proses untuk membangunkan negara berjalan dengan lancar dan sempurna. Ramai belia di kalangan masyarakat Orang Asli masih lagi menganggur atau tidak mempunyai pekerjaan yang tetap. Kenyataan ini disokong oleh Mohd Taib dan Wan Kadir (1986), yang menyatakan Orang Asli hanya terlibat dengan aktiviti mengumpul hasil hutan, memburu dan mengamalkan pertanian pindah. Aktiviti tersebut masih diamalkan sehingga ke hari ini (Mohd Taib dan Wan Kadir, 1986). Sekiranya masyarakat Orang Asli turut sama berganding bahu bersama-sama dengan masyarakat lain di Malaysia, maka masalah kekurangan tenaga pekerja akan dapat diatasi. Bagi masyarakat Orang Asli, mereka telah diberikan kelonggaran di mana setiap kos pembelajaran dari segi yuran, penginapan asrama dan sebagainya adalah di bawah tanggungan JHOEA (Abdul Talib, 2003).

Justeru itu, penerapan dan penekanan terhadap PTV di kalangan masyarakat kaum Orang Asli perlu dilakukan dengan sempurna bagi memastikan tenaga muda golongan terbabit tidak terbiar begitu sahaja. Pelbagai aspek seperti kemudahan yang diberikan, keterbukaan keluarga dan kekangan yang dihadapi oleh masyarakat Orang Asli perlu dilihat, dikaji dan ditekankan bagi memastikan hasrat tersebut tercapai.

#### **1.4 Tujuan Kajian**

Kajian ini dilakukan untuk mengkaji senario masyarakat Orang Asli berkaitan dengan PTV. Selain daripada itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti perbezaan dari keterbukaan keluarga, kekangan yang dihadapi dan kemudahan yang diberikan oleh pihak kerajaan bagi membantu masyarakat kaum Orang Asli dalam bidang PTV.

## 1.5 Objektif Kajian

Kajian ini dibuat bagi mengkaji dan menerangkan beberapa perkara penting yang mendorong masyarakat Orang Asli menceburi bidang PTV. Di antara objektif utama kajian adalah :

- (i) Mengenalpasti kemudahan yang diberikan oleh pihak kerajaan dalam memberikan kemudahan bagi membantu anak-anak masyarakat Orang Asli di dalam PTV.
- (ii) Mengenalpasti kekangan yang dihadapi oleh masyarakat Orang Asli bagi menceburi bidang PTV.
- (iii) Melihat perbezaan keterbukaan keluarga dari tiga buah kampung Orang Asli yang berbeza dalam Daerah Perak Tengah untuk menggalakkan anak-anak serta ahli keluarga mereka menimba ilmu dalam bidang PTV.

## 1.6 Persoalan Kajian

Terdapat beberapa persoalan kajian yang difikirkan oleh penyelidik. Persoalan kajian tersebut adalah bertujuan untuk mengenalpasti beberapa perkara penting atau masalah yang dihadapi oleh masyarakat Orang Asli di dalam bidang PTV.

- (i) Sejauh manakah kemudahan yang diberikan oleh pihak kerajaan dalam menyediakan kemudahan bagi membantu masyarakat Orang Asli di dalam PTV.
- (ii) Apakah kekangan yang dihadapi oleh masyarakat Orang Asli bagi menceburi bidang PTV.
- (iii) Sejauh manakah perbezaan keterbukaan keluarga masyarakat Orang Asli dari tiga kampung yang berbeza untuk menggalakkan anak-anak mereka menimba ilmu di dalam PTV.

## 1.7 Hipotesis Kajian

Penyelidik telah merangka satu hipotesis null dan hipotesis alternatif. Hipotesis yang tersebut akan menjurus kepada persoalan kajian ketiga.

Hipotesis Null : Tidak terdapat perbezaan keterbukaan yang signifikan di antara keluarga dari tiga buah kampung yang berbeza dalam daerah Perak Tengah untuk menggalakkan anak-anak atau ahli keluarga mereka menceburi bidang PTV.

Hipotesis Alt : Terdapat perbezaan keterbukaan yang signifikan di antara keluarga dari tiga buah kampung yang berbeza dalam daerah Perak Tengah untuk menggalakkan anak-anak atau ahli keluarga mereka menceburi bidang PTV.

### 1.8 Skop Kajian

Kajian ini memokuskan kepada masyarakat Orang Asli yang terdapat di Daerah Perak Tengah di Negeri Perak. Ini adalah kerana berdasarkan daripada sumber JHEOA, (2004) di Negeri Perak terdapat banyak penempatan-penempatan masyarakat Orang Asli. Populasi kajian meliputi keseluruhan masyarakat kaum Orang Asli di Daerah Perak Tengah. Selain daripada itu, kajian ini juga akan menumpukan kepada senario yang berkaitan dengan keterbukaan keluarga, kekangan yang dihadapi serta peranan pihak kerajaan dalam menyediakan kemudahan bagi membantu masyarakat Orang Asli dalam bidang PTV.

### 1.9 Batasan Kajian

Bagi menjalankan kajian ini, terdapat beberapa batasan yang telah difikirkan oleh penyelidik. Batasan-batasan tersebut telah dikategorikan oleh penyelidik kepada dua bahagian iaitu batasan disengajakan dan batasan tidak disengajakan.

#### (i) Batasan yang Disengajakan

Dalam kajian ini, penyelidik telah membataskan kajian kepada masyarakat Orang Asli yang tinggal di tiga buah kampung dalam Daerah Perak Tengah di Negeri Perak. Kampung-kampung tersebut ialah Kampung Suak Padi, Kampung Gedung Batu dan Kampung Tumbuh Hangat. Sampel yang dipilih adalah terdiri daripada pelbagai golongan yang tinggal di dalam kampung yang dinyatakan. Borang soal selidik dan

temu bual berstruktur akan digunakan untuk mendapatkan data daripada masyarakat Orang Asli yang terdiri daripada ibu bapa, ketua-ketua masyarakat dan seumpamanya.

#### (ii) Batasan yang Tidak Disengajakan

Pengkaji juga turut memikirkan beberapa batasan yang tidak disengajakan. Di antara batasan-batasan tersebut adalah seperti masa, kewangan, pengangkutan dan tenaga. Selain daripada itu, penyelidik juga beranggapan akan menghadapi masalah berkaitan dengan sampel yang digunakan. Ini adalah kerana sampel yang digunakan mungkin akan menghadapi masalah dari segi pemahaman, ketelusan dan keikhlasan di dalam menjawap soalan-soalan di dalam borang soal selidik dan borang temubual kelak. Sekiranya sampel tidak menjawap soalan yang diberikan dengan jujur, maka ia sedikit sebanyak akan mempengaruhi data-data yang akan diperolehi kelak. Seterusnya, ini akan menjelaskan dapatan kajian dan tidak seperti yang diharapkan oleh penyelidik.


### 1.10 Kepentingan Kajian

Penyelidik berpendapat terdapat beberapa kepentingan daripada kajian ini. Di antara kepentingan kajian tersebut ialah dapat mengetahui senario masyarakat Orang Asli terhadap PTV. Ia meliputi perkara-perkara seperti keterbukaan keluarga masyarakat Orang Asli untuk menggalakkan anak-anak serta ahli keluarga mereka menimba ilmu dalam PTV. Selain daripada itu, kajian ini juga akan dapat mengetahui kekangan yang mereka hadapi di samping melihat kemudahan yang diberikan oleh pihak kerajaan dalam

menyediakan kemudahan tertentu untuk membantu masyarakat Orang Asli yang ingin menceburi bidang PTV. Penyelidik juga berharap kajian yang dijalankan ini dapat dijadikan rujukan pada masa hadapan untuk membantu pihak yang tertentu agar dapat memperbaiki segala kelemahan yang ada. Secara tidak langsung, ia akan meningkatkan mutu PTV di semua peringkat masyarakat terutamanya bagi masyarakat Orang Asli.

### **1.11 Kerangka Konsep**

Kerangka konsep yang dilaksanakan oleh penyelidik adalah seperti dalam Rajah 1.1. Ia menunjukkan perkara yang dibincangkan dalam pendidikan dan latihan teknikal di kalangan masyarakat Orang Asli serta hubungan di antara isu-isu tertentu. Isu-isu tersebut adalah merujuk kepada persoalan utama kajian seperti keterbukaan keluarga, kemudahan yang diberikan oleh pihak kerajaan serta kekangan yang dihadapi oleh masyarakat Orang Asli dalam menceburi bidang PTV. Pada akhir kajian yang akan dijalankan oleh penyelidik, beberapa cadangan akan diutarakan bagi menambahbaikan segala perkara yang telah dikaji untuk membantu masyarakat Orang Asli.



Rajah 1.1 : Kerangka Konsep

## 1.12 Definasi Istilah dan Operasi

Terdapat beberapa istilah yang digunakan secara meluas di dalam kajian ini. Penyelidik mendefinisikan istilah-istilah tersebut berdasarkan operasi dan istilah-istilah yang akan digunakan adalah seperti berikut.

### (i) Penglibatan

Menurut Kamus Dewan Bahasa (2004), penglibatan didefinisikan sebagai perihal melibatkan diri (persatuan dan sebagainya) dalam sesuatu hal, perkara dan sebagainya. Penglibatan dalam kajian ini bermaksud sejauh mana masyarakat Orang Asli melibatkan diri di dalam PTV.

### (ii) Orang Asli

Menurut Kamus Dewan Bahasa (2004), Orang Asli didefinisikan sebagai orang atau penduduk asal sesebuah negeri (bukan orang asing atau pendatang). Dalam kajian ini, Orang Asli adalah merujuk kepada penduduk terawal di Malaysia.

### (iii) Masyarakat

Menurut Kamus Dewan Bahasa (2004), masyarakat didefinisikan sebagai kumpulan manusia yang hidup bersama di sesuatu tempat dengan aturan dan cara tertentu. Oleh itu, dalam kajian ini, masyarakat menunjukkan sekumpulan Orang Asli yang tinggal di suatu penempatan yang mengamalkan cara hidup tertentu.

(iv) Kaum

Menurut Kamus Dewan Bahasa (2004), kaum didefinisikan sebagai puak atau suku bangsa (contoh seperti Orang Asli yang masih tinggal di dalam hutan). Dalam kajian ini, kaum merujuk kepada penduduk Orang Asli yang tinggal di suatu tempat.

(v) Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV)

Di dalam PTV terdapat dua aliran dalam iaitu aliran teknikal dan aliran vokasional. Aliran teknikal adalah aliran yang membolehkan pelajar mengikuti mata pelajaran teknikal seperti lukisan teknik, elektronik, kejuruteraan elektrik, kejuruteraan awam dan kejuruteraan jentera. Selain daripada itu, aliran teknikal juga menawarkan mata pelajaran perdagangan. Bagi aliran vokasional pula, ia mengandungi empat bidang utama iaitu pertukangan, kejuruteraan, ekonomi rumah tangga, perdagangan dan pertanian.

(vi) Kekangan

Menurut Kamus Dewan Bahasa (2004), kekangan didefinisikan sebagai perbuatan mengekang, larangan, sesuatu yang mencegah, tertahan, menyekat, menghalang atau menahan. Dalam kajian ini, kekangan adalah masalah-masalah yang menyebabkan masyarakat Orang Asli mengalami kesukaran untuk menceburи bidang PTV.

(vii) Keterbukaan

Menurut Kamus Dewan Bahasa (2004), keterbukaan didefinisikan sebagai terbuka, sikap berterus terang, sikap sedia melayani, menunjukkan minat kepada apa sahaja pengaruh atau unsur rangsangan. Dalam kajian ini, keterbukaan adalah peranan dan persediaan keluarga masyarakat Orang Asli untuk menggalakkan anak-anak atau ahli keluarga untuk menceburi bidang PTV.

(viii) Kemudahan

Menurut Kamus Dewan Bahasa (2004), kemudahan didefinisikan sebagai keadaan mudah, kesenangan, keselesaan, sesuatu yang memudahkan atau mempermudahkan usaha. Dalam kajian ini, kemudahan adalah segala bantuan seperti prasarana, kemudahan asas dan tenaga pengajar yang diberikan oleh pihak kerajaan bagi membantu masyarakat Orang Asli untuk menceburi bidang PTV.

1.13 Rumusan

Bab satu adalah bahagian yang menerangkan berkaitan dengan latar belakang masalah, kenyataan masalah, tujuan, objektif, persoalan, hipotesis, kerangka teori, kepentingan, skop, batasan serta definisi istilah dan pengoperasian kajian. Setiap perkara yang terkandung di dalam bab ini dan tindakan yang diambil atau dibuat adalah berdasarkan kepada tajuk kajian yang akan dijalankan oleh penyelidik.

## **BAB II**

### **KAJIAN LITERATUR**

#### **2.1 Pengenalan**

Bahagian literatur ini mengandungi beberapa bahagian yang menceritakan sedikit sebanyak perkara berkaitan dengan masyarakat Orang Asli. Di antara perkara tersebut ialah latar belakang, penempatan penduduk, perkembangan awal pendidikan di Malaysia, pendidikan teknik dan vokasional, kepentingan pendidikan teknik dan vokasional, pendidikan Orang Asli, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, sumber pendapatan masyarakat Orang Asli, masyarakat Orang Asli di luar negara, masyarakat Orang Asli di Australia serta perbezaan pembabitan dalam PTV dari segi jantina masyarakat Orang Asli di Australia.

## 2.2 Latar Belakang Masyarakat Orang Asli

Masyarakat pribumi adalah penghubung kepada sejarah dan tamadun awal di negara kita ini. Sejarah Malaysia telah mencatatkan bahawa negara ini pernah diduduki oleh manusia sejak zaman-berzaman dahulu yang bermula dari Zaman Paleolitik iaitu Zaman Batu Awal, Zaman Mesolitik iaitu Zaman Batu Tengah, Zaman Neolitik iaitu Zaman Batu Baru dan akhir sekali Zaman Logam iaitu Zaman Gangsa dan Besi. Daripada kajian dan bukti-bukti yang diperolehi oleh ahli arkeologi telah menunjukkan bahawa beberapa kawasan di Malaysia ini telah didiami manusia sejak beribu tahun dahulu (Abdul Talib, 2003).

Perkataan Orang Asli membawa maksud penduduk asal di dalam bahasa melayu. Terdapat tiga jenis kaum utama masyarakat Orang Asli di Malaysia iaitu Senoi, Negrito dan Orang Melayu Asli. Kaum Senoi dan Negrito mendiami kawasan tanah tinggi seperti di Cameron Highland (Jamie, 2006). Masyarakat kaum Orang Asli adalah merupakan satu puak yang cukup unik yang tinggal di negara Malaysia. Ini kerana pada suatu masa dahulu, mereka lebih gemar tinggal di kawasan-kawasan pendalam daripada menjelaskan kaki ke bandar-bandar besar atau penempatan terancang yang disediakan oleh pelbagai pihak untuk kemudahan mereka.

Carey (1976) telah mentakrifkan '*asli*' adalah dari perkataan Arab iaitu '*Asali*' atau '*Original*'. Semasa pemerintahan British, Orang Asli dipanggil '*Sakai*', manakala Orang Inggeris memanggil masyarakat Orang Asli sebagai '*aborigines*'. Menurut Jasman dan Rosnah (1997), istilah '*aborigines*' lebih membawa makna sebagai masyarakat yang mundur, primitif dan masih lagi tidak membangun. Kerajaan Malaysia telah menukar istilah tersebut kepada Orang Asli yang lebih menjurus kepada kehidupan yang moden dan tidak menyentuh sikap negatif masyarakat tersebut (Abdul Talib, 2003).

Menurut Jismin dan Ramlee (1993) dalam Abdul Talib (2003), masyarakat Orang asli adalah sebahagian masyarakat Malaysia yang tersebar di seluruh semenanjung Malaysia kecuali Perlis dan Pulau Pinang. Masyarakat Orang Asli dibahagikan kepada beberapa kriteria seperti bahasa, kebudayaan, cara hidup dan ciri-ciri fizikal. Berdasarkan kepada kriteria tersebut maka para pengkaji telah membahagikan mereka kepada tiga kumpulan utama iaitu Negrito, Senoi dan Melayu-Proto. Ketiga-tiga suku tersebut diklasifikasikan kepada enam suku kecil berjumlah 92,523 orang. Hampir 30 peratus daripada masyarakat Orang Asli tinggal di pendalaman manakala selebihnya tinggal menetap dan berjiran dengan kampung-kampung Melayu atau tinggal di sepanjang persisiran pantai Selangor, Johor dan Pahang. Mereka juga tinggal di kawasan hutan Banjaran Titiwangsa dan kawasan-kawasan lain di seluruh Semenanjung (Abdul Talib, 2003).

Kebanyakkan daripada mereka tinggal di hutan belantara dan tanah-tanah tinggi di antara 2,000 hingga 6,000 kaki dari paras laut. Terdapat 40 peratus daripada mereka tinggal di tanah rendah di persisiran pantai. Secara tradisi, masyarakat Orang Asli hidup dalam kumpulan-kumpulan kecil yang terdiri 10 hingga 50 keluarga. Walaupun ada sebahagian daripada mereka yang masih hidup secara berpindah randah, tetapi 80 peratus hingga 90 peratus sudah menetap di kampung-kampung seperti di perkampungan Orang Melayu (Abdul Talib, 2003).

Masyarakat Orang Asli Senoi jika diperhatikan secara kasar adalah mirip kepada Orang Melayu biasa dan seakan-akan seperti rakyat Malaysia yang lain. Mereka ini dipercayai berasal dari kawasan bukit bukau di Vietnam, Kemboja dan Utara Thailand sejak dari 6,000 hingga 8,000 tahun yang lampau. Di tanah tinggi Cameron Highland mereka kebanyakannya bekerja sebagai pekerja atau buruh di ladang-ladang teh. Sebaliknya masyarakat Orang Asli Negrito adalah lebih gelap. Mereka ini dipercayai sebagai semi nomad yang mana terdiri daripada suku-suku kaum Orang Asli yang tiba di Malaysia sejak 8,000 tahun yang lampau. Nenek moyang mereka adalah terdiri daripada

pemburu-pemburu yang pernah tinggal di dalam gua ketika keluar berburu (Wijnen, 2001).

Kebanyakkan daripada masyarakat Orang Asli Negrito adalah pemburu yang keluar ke hutan untuk menangkap burung dan monyet dengan menggunakan sumpit. Sumpit adalah merupakan senjata yang diperbuat daripada buluh. Anak sumpit tersebut terlebih dahulu akan disapu dengan racun bagi melemahkan mangsa yang terkena sumpit. Senjata seperti sumpit ini amat berbahaya dan cukup berkesan untuk mengenai mangsa dalam jarak 20 meter (Wijnen, 2001). Terdapat beberapa kawasan penempatan utama utama masyarakat kaum Orang Asli di Malaysia. Ia mengikut kepada beberapa kaum seperti :

- i. Kensiu
- ii. Kintak
- iii. Lanoh
- iv. Jahai
- v. Mendriq
- vi. Bateq.

### 2.2.1 Penempatan Kensiu

Orang Kensiu tinggal di kawasan pinggir di Daerah Baling, Kedah. Satu ketika dahulu Orang Kensiu suka berpindah randah mencari tempat yang sesuai untuk mencari bahan-bahan makanan. Semenjak kerajaan memberi penumpuan pembangunan kepada rakyat, kini Orang Kensiu sudah ada kampung halaman mereka untuk mengubah cara

kehidupan mereka agar setanding dengan masyarakat umum. Hanya terdapat sebuah perkampungan Orang Kensiu di Daerah Baling, Negeri Kedah iaitu Kampong Lubuk Legong.

Pada masa ini kampung Lubuk Legong telah di lengkapi dengan kemudahan bekalan elektrik, bekalan air dan lain-lain prasarana seperti balairaya dan pusat bimbingan kanak-kanak. Punca pendapatan utama adalah hasil tanaman getah yang dibangunkan oleh RISDA dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. Sehingga kini terdapat 39 keluarga seramai 204 orang (JHEOA, 2004).

#### 2.2.2 Penempatan Kintak

Orang Kintak tinggal di kawasan pinggir di Daerah Gerik, Hulu Perak. Satu ketika dahulu Orang Kintak suka berpindah randah mencari tempat yang sesuai untuk mencari bahan-bahan makanan. Semenjak kerajaan memberi penumpuan pembangunan kepada rakyat, kini Orang Kintak sudah ada kampung halaman mereka untuk mengubah cara kehidupan mereka agar setanding dengan masyarakat umum. Terdapat sebuah perkampungan Orang Kintak terdiri dari 25 keluarga yang berjumlah 112 orang (JHEOA, 2004).

### **2.2.3 Penempatan Lanoh**

Orang Lanoh tinggal di kawasan pedalaman Daerah Hulu Perak Negeri Perak. Satu ketika dahulu Orang Lanoh suka berpindah randah mencari tempat yang sesuai untuk mencari bahan-bahan makanan. Semenjak kerajaan memberi penumpuan untuk memberi kesejahteraan kepada rakyat kini, Orang Bateq sudah ada kampung halaman mereka untuk mengubah cara kehidupan mereka agar setanding dengan masyarakat umum. Selain daripada itu, terdapat tiga buah kampung yang mempunyai penduduk berjumlah 359 orang (JHEOA, 2004).

### **2.2.4 Penempatan Jahai**

Suku bangsa Jahai merupakan satu daripada suku kaum Negrito iaitu suku kaum yang terkecil berbanding dengan kaum Senoi dan Proto-Malay (Melayu Asli). Mereka tinggal di Perak, terutama di kawasan Hulu Perak iaitu Banun, Sungai Tiang dan Persisiran Empangan Temenggor. Di Kelantan pula, mereka bertumpu di Sungai Rual dan Jeli di Hulu Kelantan. Pada amnya rupa paras orang Jahai seakan-akan Orang Habsyi atau Negro di Afrika, Kaum Andaman dan Aeta di Filipina (JHEOA, 2004).

Kebanyakannya tinggal di kuala sungai dan persisiran tasik. Rumah mereka berbentuk pisang sesikat yang dibina daripada buluh dan beratapkan daun bertam dan tepsu. Suku bangsa Jahai suka membuat rumah yang ringkas kerana mereka mengamalkan cara hidup berpindah-randah. Mereka berpindah dari satu tempat ke satu tempat apabila berlaku kematian, penyakit ganjil atau perbalahan kecil kerana keperluan makanan dan pertambahan penduduk. Kini, amalan berpindah-randah kurang diamalkan kerana mereka telah menerima bantuan daripada agensi kerajaan (JHEOA, 2004).

### 2.2.5 Penempatan Mendriq

Orang Mendriq tinggal di kawasan pedalaman Kelantan. Satu ketika dahulu Orang Mendriq suka berpindah randah mencari tempat yang sesuai untuk mencari bahan-bahan makanan. Semenjak kerajaan memberi penumpuan untuk memberi kesejaheraan kepada rakyat kini Orang Mendriq sudah ada kampung halaman mereka untuk mengubah cara kehidupan mereka agar setanding dengan masyarakat umum. Sebuah perkampungan Orang Mendriq di Daerah Gua Musang terdiri 14 keluarga yang berjumlah 82 orang (JHEOA, 2004).

### 2.2.6 Penempatan Bateq

Orang Bateq tinggal di kawasan pedalaman utara Pahang, kawasan barat Terengganu dan selatan Kelantan. Satu ketika dahulu Orang Bateq suka berpindah randah mencari tempat yang sesuai untuk mencari bahan-bahan makanan. Semenjak kerajaan memberi penumpuan untuk memberi kesejaheraan kepada rakyat kini Orang Bateq sudah ada kampung halaman mereka untuk mengubah cara kehidupan mereka agar setanding dengan masyarakat umum (JHEOA, 2004).

Negeri Pahang terdapat tujuh buah kampung, lima buah kampung di Daerah Lipis, dua buah kampung di Daerah Jerantut yang berjumlah 100 keluarga seramai 550 orang. Negeri Kelantan pula terdapat empat buah kampung di Pos Lebir yang penduduknya 84 keluarga berjumlah 413 orang. Di Negeri Terengganu terdapat 12 keluarga yang seramai 41 orang (JHEOA, 2004).

### 2.3 Perkembangan Awal Pendidikan Di Malaysia

Sistem pendidikan di Malaysia bermula sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka. Pendidikan yang diadakan pada masa itu ialah pendidikan Agama Islam. Masjid dan surau merupakan tempat pengajian agama Islam. Pembukaan bandar-bandar baru telah menjadikan bandar-bandar ini pusat tumpuan kemudahan dan perkhidmatan. Salah satu perkhidmatan yang membantu perkembangan sosial masyarakat Malaysia ialah sistem pendidikan. Sistem pendidikan pada zaman pentadbiran Inggeris di Tanah Melayu dapat dibahagikan kepada lima aliran iaitu sistem pendidikan Melayu tradisional, sistem pendidikan Melayu, pendidikan Inggeris, pendidikan Cina dan pendidikan Tamil. Sementara itu, sistem pendidikan di Sabah dan pendidikan di Sarawak juga turut diperkenalkan. Pada akhir kurun ke-19 dan awal kurun ke-20, beberapa buah Maktab Perguruan telah ditubuhkan untuk menambahkan bilangan guru terlatih (Benjons, 2006).

### 2.4 Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV)

Pelajaran vokasional dan teknik berkembang pesat selepas kedatangan British terutamanya pada kurun ke-20. Orang Melayu yang mahir dalam seni pertukangan telah di ambil untuk mengajar murid-murid sekolah Melayu di sebuah perkampungan dekat Kuala Lumpur. Menurut Benjons (2006), Kerajaan Perak telah menubuhkan Sekolah Seni Tanah Melayu pada tahun 1902. Namun begitu, sekolah ini telah ditutup pada 1906. Sekolah pertukangan yang pertama didirikan di Kuala Lumpur. Sekolah ini dinamakan Sekolah Pertukangan Persekutuan. Kemudian sekolah-sekolah pertukangan didirikan di Perak (1926), Johor Bharu (1930), Negeri Sembilan (1930), Pulau Pinang (1932) dan Melaka (1935). Sekolah-sekolah ini memberi peluang kepada pelajar untuk meluaskan ilmu pengetahuan dan menyediakan mereka pengetahuan yang cukup berguna

## BIBLIOGRAFI

“A National Strategy For the Education of Aboriginal and Torres Strait Islander People”.

Dirujuk pada September 26, 2006, daripada [www.aboriginaleducation.sa.edu.au](http://www.aboriginaleducation.sa.edu.au).

Abdul Fatah Hasan (2003). “Pengenalan Falsafah dalam Pendidikan”, Cetakan Kedua, Bentong, Pahang. PTS Publications and Distributor Sdn. Bhd. 140 – 146.

Abdul Rahman Md. Aroff (1994). “Falsafah dan Konsep Pendidikan”, Cetakan Kedua, Shah Alam, Selangor. Fajar Bakti Sdn. Bhd. 127 – 144.

Abdul Talib Bon (2003). “Kenali Kami Masyarakat Orang Asli Di Malaysia”, Cetakan Pertama, Batu Pahat, Johor. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn. 1 – 11.

“Aborigine Education”. Dirujuk pada September 26, 2006, daripada [www.wikipedia.org/wiki/Australian](http://www.wikipedia.org/wiki/Australian).

“Adat Resam Masyarakat Orang Asli”. Dirujuk pada Ogos 20, 2006, daripada [www.malaysiana.pnm.my](http://www.malaysiana.pnm.my).

Ahmad Sarji Abdul Hamid (1996). ”Sempena Lawatan Ke Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHOEA)”. Dirujuk pada Ogos 20, 2006, daripada [www.pmo.gov.my](http://www.pmo.gov.my).

Australian Bureau of Statistics (2004). "The Health and Welfare of Australia Aboriginal and Torres Strait Islander People". Dirujuk pada September 30, 2006, daripada [www.abs.gov.au](http://www.abs.gov.au).

Ahmad Naim Tahir. "Tentera Darat Bersama Orang Asli Kembalikan Nostalgia". Dirujuk pada Ogos 20, 2006, daripada [www.bharian.com.my](http://www.bharian.com.my).

"Bahagian Pembangunan Sosioekonomi (2004)". Dirujuk pada September 15, 2006, daripada [www.jheoa.gov.my](http://www.jheoa.gov.my).

Benjons (2006). "Penguasaan Terhadap Hasil Bumi Kita". Dirujuk pada September 15, 2006, daripada [benjons99@yahoo.com](mailto:benjons99@yahoo.com).

Bhasah Abu Bakar (2003). "Asas Pengukuran Bilik Darjah." Tanjong Malim: Quantum Books.

Chua Yan Piaw (2006). "Asas Statistik Penyelidikan". Cetakan Pertama, Malaysia. McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd. 110 – 157.

Dalen, V. (1979). Memahami Penyelidikan Pendidikan. Terjemahan Abdul Fatah Malik, et al. Serdang. Penerbitan Universiti Putra Malaysia.

"Encyclopedia" (2006). Dirujuk pada September 30, 2006, daripada [www.wikipedia.org/wiki/Australian](http://www.wikipedia.org/wiki/Australian).

Esah Sulaiman (2003). *Amalan Profesionalisme Perguruan*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.

Goodwin, C. J. (2005). "Research in Psychology: Methods and Design." 4<sup>th</sup> ed. New York: John Wiley & Sons, Inc. 414.

Gordon, Howard R., D., (1999). "The History and Growth Of Vocational Education In America". Cetakan Pertama, Massachusetts. Allyn & Bacon. 111 - 116

Hadenan Abdul Jalil (2002). "Orang Asli Lebih Maju Secara Integrasi Kaum". Dirujuk pada Ogos 20, 2006, daripada [www.bharian.com.my](http://www.bharian.com.my).

Ishak Muhamad (2007). "Pembangunan Orang Asli ditangan Batin". Dirujuk pada Januari 13, 2007, daripada [www.bharian.com.my](http://www.bharian.com.my).

Ismail Zain (2002). "Tujuh Strategi Pemantauan Pembelajaran untuk Ibu Bapa". Cetakan Kedua. Cheras, Kuala Lumpur. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. 1 - 10

Jack Keating J., Nicholas T., Polesel J. & Watson J. (2005). "Qualification Use for Recruitment in the Australian labour Market (Qualifications and Employment)". National Centre for Vocational Education Research (NCVER), NCVER Journals. pg. 13.

Jamie (2006). "Orang Asli". Dirujuk pada Ogos 20, 2006, daripada [www.malaysiansite.nl](http://www.malaysiansite.nl).

Johnson B., Christensen. L., (2000). "Educational Research : Quantitative and Qualitative Approaches". Boston. Allyn and Bacon.

"Kamus Dewan Edisi Ke Empat (2005)". Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka

Karmel T., & Stanwick J., (2002). "Vocational Education And Training Through One's Lifetime (Improving Systems to Provide VET through One's Lifetime)". National Centre for Vocational Education Research (NCVER), NCVER Journals. pg. 12.

- Khair Mohd. Yusoff. (2003). "Improving Teaching and Learning – Let's REACT". *Jurnal Pendidikan Teknikal*, Jilid 2. Bil.1. Jabatan Pendidikan Teknikal. Kementerian Pendidikan Teknikal.
- "Kongres Kepentingan Melayu Luluskan 29 Resolusi". Dirujuk pada September 15, 2006, daripada [marhean.blogspot.com](http://marhean.blogspot.com).
- Kramlee Mustapa, Ruhizan Mohd Yasin dan Hamdan Mohd Ali (2003). Intergrasi Akademik dan Vokasional : Rasional dan Cabaran. *Jurnal Pendidikan Teknikal*, Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia. pg. 77-90. 28
- Lukman Z, Mohamad et al. (2002). "Keluarga, Gender dan Cabaran Sosial di Malaysia", Cetakan Pertama, Cheras, Kuala Lumpur. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. 69 - 81
- Mahathir Mohamad (2003). "Memodenkan Sektor Pertanian". Dirujuk pada September 15, 2006, daripada [www.utusan.com.my](http://www.utusan.com.my).
- Maznah Mohamad dan Wong Soak Koon ( 2001). "Risking Malaysia : Culture, Politics and Identity", Cetakan Pertama, Shah Alam, Selangor. Universiti Kebangsaan Malaysia. 98 - 102
- "Memodenkan Sektor Pertanian". Dirujuk pada September 15, 2006, daripada [www.jphpk.gov.my](http://www.jphpk.gov.my).
- Mohamad Najib Abdul Ghaffar (1999). "Penyelidikan Pendidikan", Cetakan Pertama, Skudai, Johor. Universiti Teknologi Malaysia. 37 - 44.
- Mohamad Rosle Bin Mamat (2006). "Majlis Mesra Rakyat BKN Jajahan Jeli Bersama Masyarakat Orang Asli". Dirujuk pada Ogos 20, 2006, daripada [web.master@bkn.jpm.my](mailto:web.master@bkn.jpm.my).

Mohd. Ali Samsudin, Ahmad Nurulazam Md. Zain dan Zurida Ismail (2003). "Kesan Pengajaran Kontekstual Terhadap Pencapaian Pelajar dan Motivasi Pelajar dalam Mata Pelajaran Fizik Tingkatan 4" Jurnal Pendidikan Teknikal, Jilid 2. Bil.2. Jabatan Pendidikan Teknikal. Kementerian Pendidikan Teknikal.

Mohd. Majid Konting (2004). "Kaedah Penyelidikan Pendidikan", Cetakan Keenam, Ampang, Selangor. Dewan Bahasa Dan Pustaka. 57 – 150.

Mohd Taib Dora (2000). "Pemikiran Sosial : Keluarga Melayu Termiskin Bandar", Cetakan Pertama, Skudai, Johor. Universiti Teknologi Malaysia. 13 – 32.

Mohd. Taib Osman dan Wan Kadir Yusoff (1986). "Kajian Budaya dan Masyarakat di Malaysia", Cetakan Kedua, Ampang, Selangor. Dewan Bahasa dan Pustaka. 331 – 346.

Muhammad Izat Hasan (2003). "RM100m For Orang Asli Development Projects". Dirujuk pada Ogos 20, 2006, daripada [www.mtc.com.my](http://www.mtc.com.my).

Muhyiddin Yassin (2007). "Skim Bantuan Peladang Diperluas". Dirujuk pada Mac 25, 2007, daripada [www.bharian.com.my](http://www.bharian.com.my).

Munir Shuib et. al. (2003). "Menyelesaikan Masalah Secara Sistematik dan Efektif", Cetakan Pertama, Petaling Jaya, Selangor. Prentice Hall. 149 – 158.

Najib Tun Razak (2006). "Malaysia Akan Bebaskan Orang Pribumi Dari Kemiskinan". Dirujuk pada Ogos 20, 2006, daripada [www.gatra.com](http://www.gatra.com).

Nicholas C. (1997). "The Orang Asli of Peninsular Malaysia". Dirujuk pada September 15, 2006, daripada [coac@tm.net.my](mailto:coac@tm.net.my).

Nik Azis Nik Pa (2002). "Keluarga Berdaya Maju". Cetakan Pertama, Kuala Lumpur.  
Universiti Malaya. 104 – 107

Noor Sedek Ismail (2004). "Mengubah Pandangan Orang Asli Terhadap Pendidikan".  
Dirujuk pada September 15, 2006, daripada [www.utusan.com.my](http://www.utusan.com.my).

Osman Bongsu (2004). "Mengubah Pandangan Orang Asli Terhadap Pendidikan".  
Dirujuk pada September 15, 2006, daripada [www.utusan.com.my](http://www.utusan.com.my).

"Orang Asli Bergantung Pada Sumber Hutan". Dirujuk pada September 15, 2006,  
daripada [beritamuar.blogdrive.com](http://beritamuar.blogdrive.com).

"Orang Asli Kini Mampu Pelbagai Sumber Ekonomi". Dirujuk pada September 15,  
2006, daripada [argolink.moa.my](http://argolink.moa.my).

"Orang Asli lebih Maju secara Integrasi". Dirujuk pada September 15, 2006, daripada  
[www.audit.gov.my](http://www.audit.gov.my).

Phan O., (2001) "Women In Vocational And Education Training (Vocational education  
and training graduates)". National Centre for Vocational Education Research  
(NCVER), NCVER Journals. pg. 43.

Rasaman Hussin et al. (2000). "Globalisasi : Beberapa Pendekatan Sains Sosial".  
Cetakan Pertama, Ampang, Selangor. Dewan Bahasa dan Pustaka. 61 – 62

Roziah binti Abdullah & Halimah binti Badioze Zaman (2003) "Pembangunan Perisian  
Multimedia bagi Kemahiran Berfikir dalam Mata Pelajaran Kimia Satu Pendekatan  
Konstruktivisme – Konteksual". Universiti Kebangsaan Malaysia

Sabitha Marican (2005). "Kaedah Penyelidikan Sains Sosial", Cetakan Pertama, Petaling  
Jaya, Selangor. Prentice Hall. 91 – 118.

Sahlina Sahkirin (2006). "Tautan Kasih Jabatan Agama Islam Johor (JAJ) Bersama Orang Asli". Dirujuk pada September 16, 2006, daripada [www.bharian.com.my](http://www.bharian.com.my).

Siti Fatimah Abdul Rahman (1999). "Interaksi Bermakna : Masa Berkualiti Bersama Keluarga". Cetakan Pertama, Kuala Lumpur. Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM). 75 - 112

Suhaimi Sulaiman (2006). "Kaum Aborigin dan Kedudukan Australia Sebagai Pusat Kecemerlangan Akademik". Dirujuk pada September 30, 2006, daripada [www.perisuft.com](http://www.perisuft.com).

Sulaiman Daud (1995). "RMK6 : Pendidikan dan Latihan". Dirujuk pada September 30, 2006, daripada [www.pmo.gov.my](http://www.pmo.gov.my).

Stedham, Y. E. & Yamamura, J. H., (2004). *Measuring National Culture : Does Gender Matter*. Emerald Education Journal. pg. 223-243. 19 (5)

Suzila Yusof (2005). "Penerimaan Ibu Bapa Terhadap Pelaksanaan Program MPV di Sekolah Menengah Akademik Harian Negeri Terengganu". Tidak Diterbitkan. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn.

Tadashi Fukutake (1985). "Masyarakat Luar Bandar Di Jepun", Cetakan Pertama, Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka. 1 – 16.

Wijnen B., V. (2006). "Orang Asli". Dirujuk pada Ogos 20, 2006, daripada [www.magicriver.net](http://www.magicriver.net).

"Zaharah's Journey (Past, Present, Future)". Dirujuk pada September 15, 2006, daripada [chuifa.easyjournal.com](http://chuifa.easyjournal.com).